



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR BIL 3/2021

PENAWARAN KURSUS KO-KURIKULUM SECARA MODULAR DI AKADEMI ADAB

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,


Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas;

1. Adalah dimaklumkan bahawa bermula Semester II Sesi Akademik 2020/2021, penawaran kursus Ko-Kurikulum tidak lagi menggunakan sistem pendaftaran *Open Registration (OR)* sebagaimana yang diamalkan sebelum daripada ini.
2. Ini adalah bertepatan dengan pelaksanaan sistem pembelajaran secara anjal yang dilaksanakan di Akademi Adab, di mana modul-modul yang ditawarkan adalah sepanjang tahun tanpa terikat dengan jadual semester akademik.
3. Pelajar hanya perlu mendaftar dan mengikuti modul-modul yang ditawarkan di Akademi Adab samada secara bersemuka (*face to face*), dalam talian (*online*) atau sendiri (*self-paced*) melalui platform ILMU (<https://ilmu.ump.edu.my/ILMU/>).
4. Walaubagaimanapun, penawaran modul secara bersemuka ditangguhkan buat masa ini, bagi memenuhi arahan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), manakala penawaran secara dalam talian atau sendiri hanya akan dibuka setelah tempoh ujilari sistem ILMU disiapkan (jangkaan Julai 2021).
5. Permohonan gred bagi kursus Ko-Kurikulum perlu dimajukan kepada Akademi Adab setelah pelajar mengumpul markah keseluruhan bagi 2 kredit atau bersamaan 80 jam SLT (*student learning time*).
6. Manakala, bagi mana-mana pelajar semester akhir yang belum menyempurnakan kursus ko-kurikulum pada semester ini, dikehendaki menghubungi Akademi Adab dengan segera di talian 09-5493158 atau e-mel kepada adab@ump.edu.my untuk penyusunan tarikh modul khusus secara dalam talian.

Sekian untuk makluman.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID 19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DR. AHMAD JOHARI BIN MOHAMAD

Dekan Pembangunan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Tarikh: 9 Jun 2021

#StaySafe

#StayStrong

#StayAtHome

#AmalkanPenjarakanSosial

#KitaJagaKita